

Tulis karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 180 patah perkataan.

Sikap bantu-membantu tanpa mengira bangsa dalam kehidupan berjiran perlu dipupuk dan dikekalkan.

Tulis cerita yang memberikan pengajaran tentang sikap bantu-membantu tanpa mengira bangsa. Lengkapkan karangan dengan perkataan dan frasa yang sesuai. **SP 3.3.1 (KBAT)** Menganalisis; Mencipta

[30 markah]

meminjam wang	sebagai duit minyak	tidak dapat turun
tidak dapat dibaiki	tolong-menolong	secara ansuran
berasa malu	menghidap demam denggi	turun ke laut
yang berjaya	mencari jalan	hidup bermasyarakat
dengan penduduk kampung	kera sumbang	

Pak Hamid termenung di tangga rumahnya. Fikirannya asyik (1) _____ untuk menyelesaikan masalah yang dihadapinya.

“Di manakah hendak kucari duit sebanyak seribu ringgit itu?” kata Pak Hamid di dalam hatinya. Fikirannya buntu kerana (2) _____ ke laut untuk menangkap ikan.

Sudah seminggu enjin motobotnya rosak dan (3) _____ lagi. Dia tidak tahu kepada siapakah dia harus (4) _____. Kemudian, dia teringat akan Kok Wai, jirannya. Kok Wai peruncit (5) _____ di kampung mereka.

“Tetapi, mahukah dia menolong aku?” Pak Hamid tertanya-tanya sendiri.

Pak Hamid teringat akan kisah sebulan yang lalu. Kok Wai meminta bantuannya supaya menghantar anaknya yang (6) _____ ke hospital. Kebetulan kereta Kok Wai rosak ketika kejadian itu berlaku. Pak Hamid pada mulanya keberatan kerana mahu (7) _____. Namun, akhirnya Pak Hamid bersetuju untuk membantu Kok Wai. Kok Wai memberinya bayaran sebanyak lima puluh ringgit (8) _____.

Apabila teringat akan peristiwa itu, Pak Hamid (9) _____ pada dirinya sendiri.

“Mahukah Kok Wai menolong aku. Kalau tidak kepada siapa lagi aku hendak meminjam wang?” bisik Pak Hamid di dalam hatinya.

Selama ini juga Pak Hamid bagaikan (10) _____ di kampung itu. Dia tidak pernah bergaul (11) _____. Pagi itu dengan langkah yang lemah, Pak Hamid pergi ke rumah Kok Wai.

“Kita hidup berjiran, Pak Hamid. Sudah sepatutnya kita (12) _____. Saya akan meminjamkan wang tersebut kepada Pak Hamid. Jangan bimbang tentang bayaran balik. Pak Hamid boleh bayar (13) _____ kepada saya,” kata Kok Wai.

Pak Hamid berasa terharu mendengar kata-kata Kok Wai. Kini, baharulah dia sedar bahawa dia perlu (14) _____. Dia perlu bergaul dengan penduduk kampung. Sikap mementingkan diri selama ini perlu disingkirkannya.